

**HIPOTESIS ANJAKAN PEKERJA MIGRAN: DARI BURUH KASAR
KEPADA PENGUSAHA
(FOREIGN WORKERS: BETWEEN NEEDS AND LIABILITY)**

ASAN ALI GOLAM HASSAN

ABSTRAK

Kehadiran pekerja migran memang diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980an. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka akan terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Adalah dijangka melalui masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran, untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008. Kertas kerja ini akan membincangkan profile pekerja migrant di Malaysia dan cuba merangka satu *hypothetical case* bagaimana persekitaran pekerjaan dan status mereka, pekerja migran yang telah masuk ke Malaysia sejak akhir 1980an ini berubah dari seorang buruh kasar kepada pengusaha. Adalah dijangka fenomena pekerja-pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit.

Kata kunci: buruh asing; profil migran; hipotesis anjakan.

ABSTRACT

The presence of migrant workers is acknowledged as a method in helping the country in solving labour shortage and also in achieving better economic growth. The apparent inflow of migrant labour started at the end of 1980s. During the early days, they worked as labourers in the formal sector. As expected through time, there is a shift in the migrant workers jobs to adopt with current economic situation especially during the 1997 and 2008 economic. This working paper will discuss the profile of migrant workers in Malaysia. Further, and subsequently drafts a hypothetical case on the working environment and status of these migrant workers who have been entering Malaysia since the end of 1980s and advancing from being labourers to entrepreneurs. It is expected that the worker-entrepreneur phenomenon in the formal and informal sectors will cause the government efforts in reducing income gap to be more challenging.

Keywords: foreign workers, migrant profile, shift hypothesis

1. Pengenalan

Sejak akhir 1980an terutamanya dalam tempoh tahun 1990-1995 struktur ekonomi Malaysia berubah kepada berasaskan perindustrian dan telah tumbuh dengan pesat sekitar 8.4% setahun, lebih tinggi dari sasaran Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000) iaitu sebanyak 7% setahun (Malaysia 1996). Gunatenaga dalam sektor perindustrian

meningkat dengan mendadak dari 542,817 orang pada tahun 1980 kepada 2.6 juta pada tahun 2000, manakala sumbangan kepada KDNK oleh sektor perindustrian meningkat daripada RM5,374 juta pada tahun 1980 kepada RM58,010 juta pada tahun 2000.

Dalam masa yang sama sektor pertanian menjadi semakin kurang menarik kepada pekerja tempatan dan sebahagian besar mereka berpindah kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan. Gunatenaga meningkat sekitar 3.4% manakala tenaga buruh tempatan hanya meningkat sebanyak 2.9% mengakibatkan berlaku kekurangan dalam penawaran buruh ketika itu. Untuk mengatasi masalah tersebut, kerajaan membuka ruang kepada kemasukan pekerja asing. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1995-2000) penduduk Malaysia meningkat pada kadar 2.3% setahun manakala penduduk asing (bukan warganegara) meningkat pada kadar 4.3% setahun (Malaysia 2001).

Ekonomi Malaysia mencapai gunatenaga penuh pada tahun 2005, dengan kadar pengangguran 3.5%. Kekurangan tenaga buruh terutamanya untuk pekerja kurang mahir menyebabkan peningkatan kemasukan buruh asing. Pada tahun yang sama, terdapat sekitar 1.7 juta orang pekerja asing (dengan permit kerja) di Malaysia (Malaysia 2006). Walaupun ekonomi dirancang ke arah k-ekonomi, namun bilangan pekerja asing terus meningkat “selaras dengan dasar untuk beralih kepada aktiviti intensif teknologi dan nilai ditambah yang lebih tinggi, pengambilan pekerja asing akan dilaksanakan secara bijaksana. Bilangan pekerja asing akan dikurangkan secara beransur-ansur bagi menyediakan peluang pekerjaan yang lebih besar kepada tenaga kerja tempatan dan mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing serta kos pentadbiran”... (Malaysia 2006 : RMK-9, ms.263).

2. Profil Bukan Warganegara

Pada tahun 2008, penduduk Malaysia berjumlah 27,728,700 orang. Daripada jumlah ini Bumiputera meliputi 61.8%, Cina 22.9%, India dan lain-lain 8.1% manakala penduduk bukan warganegara berjumlah 7.1% (Jadual 1). Peratusan penduduk bukan warganegara paling tinggi ialah di Sabah. Bagi setiap 100 orang penduduk, 25 orang daripadanya ialah bukan warganegara.

Walaubagaimanapun dari segi agihan tenaga buruh mengikut kaum, peratus tenaga buruh bukan warganegara lebih tinggi dari kaum India dan lain-lain. Pada tahun 2007, daripada bilangan tenaga buruh di Malaysia 10,889,500 orang, Bumiputera meliputi 57.3%, Cina 24.8%, India dan lain-lain 8.2% manakala penduduk bukan warganegara berjumlah 9.7% (Malaysia 2007, Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh:76).

Jadual 1: Penduduk Pertengahan Tahun Mengikut Etnik dan Negeri, 2008


	Warga	Bumiputera	Cina	India+Lain2	Bukan Warga
MALAYSIA	92.9	61.8	22.9	8.1	7.1
Johor	93.2	54.3	31.7	7.2	6.8
Kedah	97.4	75.6	13.5	8.4	2.6
Kelantan	97.9	93.3	3.3	1.2	2.1
Melaka	95.4	62.9	25.9	6.6	4.6
N.Sembilan	95.8	57.1	23.2	15.5	4.2
Pahang	94.8	73.9	15.6	5.3	5.2
Perak	97.2	55.4	29.2	12.6	2.8
Perlis	98.1	84.4	9.4	4.1	1.9
P.Pinang	93.6	41.7	41.7	10.2	6.4
Sabah	74.7	60.4	9.5	4.8	25.3

Sarawak	96.2	70.4	25.4	0.4	3.8
Selangor	94.3	52.9	27.3	14.2	5.7
Terengganu	97.6	94.7	2.4	0.5	2.4
W.P.K.L.	92.2	41.8	39.1	11.4	7.8
W.P.Labuan	77.3	61.4	12.3	3.5	22.7

Sumber: Malaysia 2008, Buletin Perangkaan Sosial: ms.56 Jadual 1.6

Bilangan penduduk bukan warganegara (dalam umur bekerja) meningkat dengan mendadak daripada 215,200 orang pada tahun 1982 kepada 1,240,200 juta orang pada tahun 2005. Manakala tenaga buruh bukan warganegara terus meningkat dari 138,500 kepada 1.03 juta dalam tempoh yang sama (Rajah 1).

Rajah 1: Bilangan dan Tenaga Buruh Bukan Warganegara (1982-2005)



Sumber: Malaysia 2007, Penyiasatan Tenaga Buruh: ms.55 Jadual B1.

Dalam tempoh 20 tahun, 1985-2005 bilangan tenaga buruh penduduk bukan warganegara telah meningkat sebanyak 367%. Daripada bilangan seramai 1,240,200 juta pada tahun 2005, 1,015,300 daripadanya bekerja (gunatenaga) dan bakinya 14,200 menganggur, manakala 201,700 di luar tenaga buruh. Dalam tempoh yang sama, tren kadar pengangguran buruh asing semakin berkurangan dan kadar penyertaan tenaga buruh yang semakin meningkat (Jadual 2).

Dari segi negara asal, gunatenaga (penduduk bukan warganegara yg bekerja) paling ramai ialah daripada Indonesia. Pada tahun 2005, 67.4% dari negara Indonesia, 9.9% dari Filipina, 3.2% dari Bangladesh dan bakinya dari lain-lain negara (Jadual 3). Walaupun peratus gunatenaga dari negara Indonesia berkurangan (berbanding dengan tahun 2000) tetapi dari segi peratus keseluruhan ia masih lagi tinggi.

Jadual 2: Perangkaan Utama Penduduk Bukan Warganegara, Malaysia, ('000)

Tahun	Bilangan (umur bekerja)	Tenaga buruh	Bekerja	Menganggur	Luar tenaga buruh	Kadar penyertaan tenaga buruh (%) (a)	Kadar pengangguran (%) (b)
1985	303.8	220.6	212.0	8.7	83.2	72.6	3.9
1990	346.3	249.1	241.9	7.2	97.1	71.9	2.9
1995	633.6	488.9	479.3	9.6	144.7	77.2	2.0
2000	1,158.9	945.2	931.3	13.9	213.7	81.6	1.5
2005	1,240.2	1,029.6	1,015.3	14.2	210.7	83.0	1.4

(a) Kadar penyertaan tenaga buruh = tenaga buruh/bilangan

(b) Kadar pengangguran = menganggur/tenaga buruh

Sumber: Malaysia 2007, Penyiasatan Tenaga Buruh, ms.55 Jadual B1.

Peratusan gunatenaga dari negara Indonesia (dan Filipina) ini berkurangan sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan peratus gunatenaga dari Bangladesh dan dari negara-negara ASEAN yang lain (Vietnam, Burma, Nepal dll).

Jadual 3: Peratus Penduduk Bukan Warganegara Yang Bekerja Mengikut Negara Asal, Malaysia


Tahun	Jumlah	Singapura	Indonesia	Filipina	Thailand	Bangladesh	ASEAN LAIN	Lain-lain	Tiada negara
1985	212.0	1.1	48.0	20.6	4.9	0.0	0.0	9.7	15.7
1990	241.9	1.7	52.3	16.9	5.0	0.0	0.0	8.6	15.4
1995	479.3	1.0	58.3	20.6	2.0	0.0	0.0	16.0	2.0
2000	931.3	1.2	70.9	9.4	1.8	0.0	0.0	15.0	1.6
2005	1,015.3	1.3	67.4	9.9	2.5	3.2	2.9	11.0	1.7

Sumber: Malaysia 2007, Penyiasatan Tenaga Buruh, ms. 57,60, Jadual B3, B3(c).

Tiga industri utama yang dimonopoli oleh penduduk bukan warganegara ialah industri pertanian (termasuk perhutanan dan perikanan) 33%, industri pembinaan dan pembantu rumah (isi rumah persendirian dengan pekerja bergaji) sekitar 14%. Peratusan pekerja tempatan (19%) masih melebihi pekerja asing dalam industri pembuatan. Walau bagaimanapun, industri pembuatan merupakan industri yang kedua paling ramai pekerja asing iaitu 17%, kurang hanya 2% dari peratusan pekerja warganegara (Rajah 2).


Manakala tiga jenis pekerjaan industri utama yang dimonopoli oleh penduduk bukan warganegara ialah pekerja asas 31%, pekerja mahir pertanian dan perikanan 28% dan operator logi dan mesin dan pemasangan iaitu sebanyak 13%. Manakala untuk jenis pekerjaan, pekerja pertukangan dan yang berkaitan, 11% iaitu peratusan yang sama dengan penduduk warganegara (Rajah 3).

Rajah 2: Taburan Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Enam Industri Utama, Malaysia, 2007



Sumber: Malaysia, 2007, Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh: ms.148 Jadual B3.13

Rajah 3: Taburan Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Lima Pekerjaan Utama, Malaysia, 2007



Sumber: Malaysia, 2007, Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh: ms.135 Jadual B3.5


3. Hipotesis Anjakan Pekerjaan Migran

Pada tahun 2007, 87.7% daripada penduduk bukan warganegara terlibat sebagai pekerja, 9.7% bekerja sendiri, 1.9% sebagai pekerja keluarga tanpa gaji dan bakinya 0.7% sebagai majikan (Rajah 4).

Adalah dijangka sebahagian daripada penduduk bukan warganegara yang terlibat sebagai “bekerja sendiri” adalah terdiri mereka (pekerja asing) yang telah lama menetap di Malaysia

dan mereka yang terlibat “pekerja keluarga tanpa gaji” dijangka sebahagiannya ialah anak-anak kepada pekerja yang “bekerja sendiri”.

Rajah 4: Taburan Peratus Penduduk Mengikut Taraf Pekerjaan, Malaysia, 2007




Sumber: Malaysia, 2007, Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh: ms.171 Jadual B3.22

Kemasukan besar-besaran pekerja asing (terutamanya dari Indonesia) ia bermula sekitar 1987. Kemasukan pekerja asing ini sangat berkait rapat dengan peluang pekerja di sektor pertanian dan pembinaan (kini pembuatan). Walau bagaimanapun, semasa krisis ekonomi 1997 (juga krisis 2008) sebahagian daripada mereka akan pulang ke negara asal. Sebahagian besar yang pulang ialah mereka yang telah diberhentikan kerja dan tiada peluang untuk mereka terlibat dalam aktiviti (pekerjaan) tidak formal.

Mereka tidak berpeluang terlibat dalam aktiviti tidak formal sama ada kerana masih baru di Malaysia, tiada kenalan dengan pekerja asing yang telah lama di Malaysia atau tiada kenalan yang rapat dengan rakyat tempatan. Ringkasnya, semakin lama mereka di Malaysia, semakin rendah kemungkinan mereka pulang ke negara asal (Indonesia) akibat krisis ekonomi yang berlaku. Bagi pekerja asing (Indonesia) yang telah lama di Malaysia (berstatus penduduk tetap), krisis ekonomi yang berlaku seakan-akan satu petunjuk aras kepada mereka untuk berubah kepada satu pekerjaan yang lebih baik demi keperluan untuk terus hidup.

Seakan-akan berlaku satu hipotesis anjakan pekerjaan asing akibat krisis ekonomi di Malaysia (*migrant's job advancement hypothesis - during economic downturn*). Bagaimana seorang buruh kasar semasa mula-mula datang ke Malaysia lewat 1980an yang kini telah menjadi seorang pengusaha melalui usahasanya dengan rakyat tempatan dan kemudian melalui syarikatnya sendiri (Rajah 5).

Rajah 5: Hipotesis Anjakan Pekerjaan Migran - Akibat Krisis Ekonomi




Dijangka anjakan pekerjaan asing dari buruh kasar kepada pengusaha ini akan berlaku melalui tiga tempoh (tahap), tempoh pertama dari tahun 1987 hingga 1997, tempoh kedua dari 1998 hingga 2008 dan tempoh ketiga dari tahun 2011 dan seterusnya. Berdasarkan Rajah 5, Rajah 6 hingga 11 akan cuba untuk menunjukkan bagaimana taraf pekerjaan buruh asing yang bernama (A), (B) dan (C) ini berubah dari seorang buruh kasar berubah kepada seorang pengusaha. Untuk memudahkan pemahaman hipotesis ini, penulis akan menggunakan beberapa andaian seperti berikut:

- a) Buruh asing (A), (B) dan (C) telah bekerja di Malaysia sejak tahun 1987 dengan menggunakan Pas Lawatan Kerja Sementara;
- b) Untuk membolehkan Buruh asing (A), (B) dan (C) menjalankan perniagaan secara formal, mereka diandaikan telah pulang semula ke negara asal dan kembali semula ke Malaysia menggunakan Pas Pegawai Dagang (*Expatriate*) ATAU telah berkahwin dengan rakyat tempatan dan berstatus penduduk tetap sebelum memulakan perniagaan;
- c) Upah pekerja asing sentiasa lebih rendah dari upah pekerja tempatan; dan
- d) Pekerja asing mempunyai tingkat mampu diri yang lebih tinggi dari pekerja tempatan

3.1 Tempoh (1): Tahun pertama hingga tahun ke-11 (1987-1997)

Contoh, satu struktur organisasi syarikat (pembinaan/pertanian) seperti lakaran Rajah 6. Ia terbahagi kepada pengarah syarikat, pekerja mahir, separuh mahir dan pekerja asas (tidak mahir). Pekerja separuh mahir (warga Malaysia) terdiri daripada pengurus tapak, penyelia dan pembantu penyelia. Manakala pekerja asas (buruh kasar) terdiri daripada warganegara asing.



Rajah 6: Contoh Struktur Syarikat


Dua puluh tujuh (27) orang pekerja asing ini dibahagikan kepada tiga kumpulan kecil. Setiap kumpulan kecil meliputi 9 orang pekerja asing dan dikawal selia oleh seorang penyelia dan pembantu penyelia (mando) yang terdiri daripada warga tempatan. Setiap tahun permit kerja semua buruh asing ini termasuk buruh (A), (B), (C) akan disambung sebagai buruh kasar. Mereka masih dikawal selia oleh penyelia dan pembantu penyelia warga tempatan.

Masuk tahun ke-5 permit kerja mereka (27 orang pekerja asing) ini disambung lagi dan buruh (A), (B) dan (C) dinaikkan pangkat kepada pembantu pembantu penyelia (mando) untuk mengawal selia 9 orang pekerja (buruh kasar) di tapak binaan/pertanian. Dalam masa yang sama bilangan pekerja asing di tapak binaan/pertanian tersebut meningkat kepada 30 orang (27 orang buruh kasar dan 3 orang pembantu penyelia).

Pada tahun ke-7, selepas permit disambung, buruh (A), (B) dan (C) dinaikkan pangkat kepada Penyelia. Dalam masa yang sama tiga orang buruh asing yang lain akan dinaikkan pangkat kepada pembantu penyelia (buruh AA, BB dan CC).

Dengan andaian penyelia dan pembantu penyelia warga tempatan berpindah ke syarikat lain yang menawarkan upah yang lebih tinggi, bilangan pekerja asing di tapak binaan/pertanian tersebut meningkat kepada 33 orang.

Ia akan meliputi 27 orang buruh kasar, 3 orang pembantu penyelia (buruh AA, BB dan CC) dan 3 orang penyelia (buruh A, B dan C). Upah penyelia dan pembantu penyelia warga asing ini dibayar pada kadar yang sama (atau lebih rendah) dengan tingkat upah penyelia dan pembantu penyelia warga tempatan sebelum ini.



Rajah 7: Anjakan Pekerjaan Migran, 1992-1997, Tahun ke-7


3.2 Tempoh (2): Tahun ke-12 hingga tahun ke-22 (1998-2008)

Akibat krisis ekonomi pada tahun 1997, ramai pekerja asing diberhentikan. Sebahagian pulang ke negara asal dan sebahagian lagi terus menetap di Malaysia. Demi keperluan untuk terus hidup, penyelia (buruh A, B dan C) yang telah mempunyai 10 orang pekerja di bawahnya akan membentuk satu ikatan perniagaan tidak rasmi (gabungan pekerja asing + penyelia).

Mereka akan mula mencari sumber pendapatan baru melalui penglibatan dalam sektor-sektor tidak formal, contoh mengambil upah membaiki rumah, memotong rumput,

membersihkan taman/rumah dan lain-lain aktiviti tidak formal pada tingkat bayaran yang lebih rendah dari pekerja tempatan. Pada peringkat ini gabungan pekerja asing + penyelia (A) ini akan bersaing dengan gabungan pekerja asing + penyelia (B) dan gabungan pekerja asing + penyelia (C).


Selepas beberapa tahun terlibat dalam aktiviti tidak formal, dijangka pengusaha tempatan akan melibatkan diri sebagai orang tengah untuk mencari projek atau peluang-peluang pekerjaan untuk gabungan pekerja asing + penyelia ini. Ia akan melibatkan tambahan modal (membeli peralatan perniagaan, mesin dll) dan rangkaian perkhidmatan (pelanggan) mereka juga akan mula bertambah.



Rajah 8: Anjakan Pekerjaan Migran, 1997-2000, Tahun ke-11

Sekitar tahun 2000, apabila ekonomi Malaysia kembali berkembang, permintaan untuk aktiviti-aktiviti tidak formal dan formal meningkat semula. Dalam masa yang sama rakyat tempatan nampak bagaimana gabungan pekerja asing + penyelia ini merupakan satu mekanisme perniagaan yang menguntungkan.

Peniaga/pengusaha tempatan akan bergabung dengan gabungan pekerja asing + penyelia (A + B + C) ini menjadi satu syarikat yang lebih besar dengan 33 orang pekerja asing dan mula terlibat dalam aktiviti-aktiviti formal dan tidak formal. Selain itu mereka juga akan berfungsi sebagai pengantara kepada sektor-sektor atau individu yang memerlukan khidmat pekerja asing.



Rajah 9: Anjakan Pekerjaan Migran, 2001-2008, Tahun ke-14


3.3 Tempoh (3): Tahun ke-23 dan seterusnya (2009++)

Adalah dijangka, kurangnya peluang-peluang (projek-projek) perniagaan kesan krisis ekonomi terkini, 2008, gabungan pekerja asing + penyelia (A + B + C) ini akan berpecah dengan pengusaha tempatan, sama ada menghentikan perniagaan atau mengecilkan aktiviti. Dalam masa yang sama adalah dijangka gabungan pekerja asing + penyelia (A, B dan C) ini telah cukup kukuh dan mempunyai rangkaian pelanggan yang mencukupi untuk memulakan aktiviti perniagaan mereka sendiri (tanpa perlu bergabung dengan pengusaha tempatan).

Dengan tingkat *survival* yang lebih tinggi (berbanding pekerja/pengusaha tempatan) dan tingkat bayaran (upah) yang lebih rendah, dijangka aktiviti perniagaan oleh kumpulan gabungan pekerja asing + penyelia (A, B dan C) ini akan mampu bertahan. Berbeza dengan Anjakan Pekerjaan Migran, 2000-2008 (Rajah 7), pengusaha (atau orang tengah) untuk mendapatkan projek atau peluang-peluang perniagaan ini ialah pengusaha warga asing (buruh A, B dan C). Mereka mungkin telah pulang ke negara asal dan kembali semula ke Malaysia menggunakan Pas Pegawai Dagang ATAU telah berkahwin dengan rakyat tempatan dan berstatus penduduk tetap untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan secara formal (berdaftar) tanpa perlu bergabung (atau menggunakan nama) dengan orang tempatan. Pada peringkat ini, pengusaha warga asing + gabungan pekerja asing + penyelia ini akan bersaing dengan pengusaha warga asing + gabungan pekerja asing + penyelia yang lain (A, B dan C).


Pada peringkat ini (dan seterusnya) juga dijangka sebahagian daripada penduduk bukan warganegara yang terlibat sebagai “bekerja sendiri” adalah terdiri mereka (pekerja asing)

yang telah lama menetap di Malaysia dan kini berstatus pengusaha dan mereka yang terlibat “pekerja keluarga tanpa gaji” dijangka sebahagiannya ialah anak-anak kepada pekerja asing yang “bekerja sendiri” tersebut.



Rajah 10: Anjakan Pekerjaan Migran, 2009-2011, Tahun ke-22

Adalah dijangka, selepas ekonomi Malaysia akan pulih sekitar 2011. Djangka pengusaha warga asing + gabungan pekerja asing + penyelia ini akan bergabung (pengusaha warga asing A + B + C) menjadi satu syarikat yang lebih besar. Mereka akan mula bersaing dengan pengusaha-pengusaha kecil untuk mendapatkan projek-projek perniagaan terutamanya untuk projek Kelas F.



Rajah 11: Anjakan Pekerjaan Migran, 2011 dan seterusnya. Tahun ke-25

4. Kesimpulan Dan Implikasi Dasar

Berdasarkan *hypothetical case* yang dibincangkan, memang telah dijangka berlaku anjakan pekerjaan migran dari seorang buruh kasar kepada pengusaha di Malaysia. Ia adalah sebahagian daripada proses pembangunan bagaimana pekerja migran yang mempunyai tingkat *survival* yang tinggi akan cuba untuk menyesuaikan diri akibat dari perubahan yang berlaku di luar kawalan mereka (krisis ekonomi). Selain cuba menyesuaikan diri, mereka akan sentiasa mengambil peluang untuk meningkatkan tingkat pendapatan dan kualiti hidup termasuk melibatkan diri dalam aktiviti tidak formal yang tidak sah dari segi peraturan.

Dalam sesetengah keadaan, rakyat tempatan (pengusaha dan isi rumah) mengambil peluang dari persekitaran tertekan yang dialami oleh pekerja migran akibat dari perubahan yang berlaku di luar kawalan mereka (krisis ekonomi) tersebut.

Walaupun dari satu sudut, ia membantu isi rumah mendapat perkhidmatan pada kadar kos yang lebih rendah dan aktiviti ekonomi pengusaha asing (yang dahulunya pekerja asing) ini dapat membantu meningkatkan peluang perniagaan pengusaha tempatan (melalui kerjasama perniagaan) tetapi dalam jangka panjang ia dijangka akan menjadikan usaha mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat Malaysia menjadi semakin sulit.

Syarikat mungkin didaftarkan (atau dimiliki) oleh pengusaha tempatan tetapi aktiviti syarikat dijalankan oleh pengusaha asing yang pekerja mereka juga sebahagian besarnya ialah pekerja asing. Sub-sub krontraktor pengusaha asing ini (yang tidak berdaftar) akan bersaing dengan pengusaha-pengusaha kecil (terutamanya pengusaha Bumiputera) untuk mendapatkan

projek-projek perniagaan. Akibatnya, kerja-kerja untuk sub-kontrak ini akan diberi kepada pengusaha asing, yang secara relatifnya akan menjalankan kerja pada harga yang lebih murah.

Secara khusus, penglibatan pengusaha asing (yang dahulunya pekerja asing) boleh melambatkan usaha meningkatkan penglibatan Bumiputera (MPPB) dalam aktiviti perniagaan melalui tiga cara, iaitu:

- (1) Peluang perniagaan kepada sub-sub kontraktor Bumiputera akan berkurangan kerana tidak mampu bersaing dari segi kos;
- (2) Sub-sub kontraktor pengusaha asing akan lebih berminat untuk melibatkan diri (atau berkerjasama) dengan kontraktor bukan Bumiputera yang secara relatifnya lebih stabil dan lebih banyak peluang kerja; dan
- (3) Mewujudkan budaya perniagaan “Ali-Baba” yang baru daripada “Melayu-Bukan Melayu” kepada “Melayu-Bukan Warga”.

Kebanyakan pengusaha asing (yang dahulunya pekerja asing), sama ada melalui syarikat (rasmi atau tidak rasmi) mereka sendiri atau dengan kerjasama dengan pengusaha tempatan akan menggunakan pekerja dari negara yang sama dengan mereka (pengusaha asing) sebagai pekerja asas (buruh kasar).

Selain daripada mengambil peluang pekerja tempatan, kemasukan pekerja asing yang rata-rata terdiri daripada pekerja tidak mahir akan memperlahan upah dalam sektor yang berkaitan untuk meningkat. Dalam sesetengah sektor, pergantungan yang berlebihan kepada pekerja asing (pekerjaan yang dimonopoli oleh pekerja asing) menyebabkan faktor upah pekerja tidak mahir menjadi tegar (*rigid*) atau mungkin berkurangan.

Dalam keadaan demikian, besar kemungkinan upah pekerja tidak mahir di kalangan penduduk tempatan meningkat pada kadar yang jauh lebih rendah daripada kadar peningkatan pendapatan per kapita negara, dan seterusnya meluaskan jurang perbezaan pendapatan dalam ekonomi.

Secara khusus, kemasukan pekerja asing boleh melambatkan usaha mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat melalui dua cara, iaitu:

- (1) Kemasukan mereka menambah bilangan pekerja baru yang muda dan tidak mahir, dan seterusnya membawa perubahan dalam struktur umur tenaga buruh. Perubahan dalam struktur umur tenaga buruh boleh meningkatkan ketidaksetaraan pendapatan walaupun tidak terdapat perubahan dalam struktur upah dan pendapatan; dan
- (2) Kemasukan mereka secara beramai-ramai akan merendahkan secara relatif upah pekerja tidak mahir sementara upah pekerja mahir dan pulangan pemilik modal terus meningkat. Akibatnya, jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat akan melebar.

Selain itu, lambakan pekerja asing juga akan terus menambahkan bilangan isi rumah miskin di bandar. Misalnya, menurut Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000, kira-kira 12 peratus (atau 11,300 isi rumah) daripada jumlah isi rumah miskin di kawasan bandar di negara ini adalah terdiri daripada warganegara asing. Malahan, sebahagian yang agak besar daripada penempatan setinggan di kawasan bandar, khususnya di Kuala Lumpur, telah menjadi tumpuan penempatan penduduk asing.

Anjakan jenis pekerjaan dari buruh ke pengusaha kini berbentuk '*petty traders*' dan dalam sektor tidak formal. Fenomena *petty traders* ini wujud di Chow Kit, Petaling Street dan di Klang (Little India) juga di pekan sempadan seperti Wang Kelian dan Padang Besar yang dikuasai oleh pengusaha Thailand (Rujuk Lampiran - Utusan Malaysia, 8 April 2009). Apa

yang dikuatari, kini pengusaha asing telah juga terlibat sebagai orang tengah dalam sektor-sektor fomal sama ada melalui status mereka sebagai Pegawai Dagang atau melalui usahasama dengan pengusaha tempatan.

Satu kajian berbentuk *multidisplanary* (ekonomi pembangunan, undang-undang, antropologi, sosiologi dan psikologi) berkaitan dengan daya survival penduduk asing, penerimaan penduduk tempatan, asimilasi budaya, rangkaian (Ali-Baba) sedia ada, dan juga dari aspek undang-undang dan penguatkuasaan untuk menguji hipotesis ini mungkin boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah *dynamic maximizing/ optimizing model* sebagai rangkakerja teoritikal (*theoretical framework*).

Kesimpulannya, walaupun kehadiran pekerja-pengusaha dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, namun tanpa satu dasar yang khusus untuk mengatasi masalah pekerja-pengusaha asing ini ia akan menghadkan pencapaian dasar kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dan untuk beralih kepada aktiviti ekonomi berintensifkan teknologi dan nilai ditambah yang lebih tinggi.

Rujukan

- Malaysia. 2008. *Buletin Perangkaan Sosial 2008*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 2008. *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2007*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 2007. *Penyiasatan Tenaga Buruh, Profil Bukan Warganegara*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia (Edaran Terhad).
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan National.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan National.
- Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan National.